

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan mengetahui kesilapan sintaksis bahasa Melayu (BM) yang dilakukan oleh pelajar Melayu Tingkatan Enam Atas di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering di Besut Terengganu. Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti jenis-jenis dan kekerapan kesilapan struktur ayat yang dilakukan oleh kumpulan pelajar lelaki dan perempuan yang dikaji.

Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan dua kaedah iaitu ujian menulis dua buah karangan bagi tujuan untuk mengetahui atau mengenal pasti kesilapan struktur ayat dan soal selidik untuk mendapat maklum balas, pencapaian PBM SPM dalam maklumat tentang pembelajaran BM pelajar.

Daripada 80 buah karangan yang ditulis oleh 40 orang pelajar didapati pelajar melakukan 852 kesilapan. Purata kesilapan setiap pelajar dalam karangan sebanyak 10.6 kali. Jumlah keseluruhan kesilapan kedua-dua karangan sebanyak 852 dengan purata sebanyak 412. Kumpulan pelajar lelaki membuat 412 iaitu 48.2% kesilapan, sementara pelajar perempuan melakukan kesilapan sebanyak 51.6%. Hasil perkiraan memperlihatkan bahawa tidak terdapat banyak perbezaan tentang kesilapan ayat antara kedua-dua kumpulan tersebut.

Kumpulan pencapaian BM SPM yang paling tinggi kekerapan ialah kumpulan PBM SPM sederhana iaitu melakukan kesilapan sebanyak 425.

Dalam aspek ayat, pelajar lemah dalam kemahiran membina ayat dengan kesilapan dalam jenis ayat majmuk saduran berjumlah (29.8%), majmuk campuran (20.8%), majmuk relatif (17.1%), majmuk gabungan (9.04%), majmuk keterangan (5.05%) dan ayat tunggal (8.0%). Hasil daripada soal selidik penggunaan bahasa, 95% pelajar menggunakan dialek. Bakinya 5% menggunakan bahasa baku.

Dari segi masa pembelajaran BM dapatan berdasarkan soal selidik pelajar yang belajar antara 4 hingga 5 jam seminggu 22.5%. Sebanyak 30% pelajar menghabiskan masa selama 3 jam. Selebihnya kurang daripada 2 jam.

Terbukti daripada dapatan kajian ini pelajar masih lemah penggunaan struktur sintaksis bahasa Melayu. Keputusan kajian mempunyai implikasi strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah.

Abstract

The objective of this research is to obtain information on syntax error analysis of the Malay language among Upper Six Malay students of SMK Seri Nering, Besut, Terengganu. It aims to identify the types and frequency (occurrence) of errors in sentences made by both male and female respondents.

The data of the research is collected by analyzing two written essay tests of each respondent to find out the errors made by students at the sentential level. Questionnaires were also used to get results and achievement level of the BM paper in the SPM examination as well as information about students learning BM at Pre-university.

The research found that there were 852 errors made by students from 80 essay tests. The average number of errors each student made was 10.6 times. The male students made about 412 errors (48.2%) while the female students made 440 errors (51.6 %). The result shows that there was not much difference in errors made at sentential level by both groups.

The group achieving the highest scores in the BM SPM is the medium PBM SPM group who had made 425 errors.

Overall, the results also show that students are weak in sentence construction and made mistakes in Coordinating sentence (29.85%), Assimilation sentence (20.8%) Relative clauses (17.1%), Compound sentence (9.04%), Adverbial sentence (5.05%), and Simple sentence (8.08%). The result from the questionnaires shows that 95% of the students used dialect and only %% used standard BM.

It is proven from this study that students are still weak in the Malay language especially in the BM syntax structure. The result of this study also gives the implication of the Malay language learning and teaching strategy in schools.